

Allah tidak akan menghinamu. Sesungguhnya engkau selalu menghubungi keluarga, menanggung beban orang-orang susah, mengusahakan sesuatu untuk orang yang tiada perusahaan, melayani tetamu dan membantu orang ketika bencana-bencana `alam menimpa".³⁰ Khadijah pun membawa Nabi s.a.w. pergi kepada Waraqah bin Naufal bin

agama Islam dan seterusnya membela Baginda s.a.w. (d) Menunjukkan kepada dunia bahawa pada ketika itu masih ada penganut agama Kristian yang mempunyai pengetahuan tentang Kitab Taurat dan Injil yang sebenar. Rupa-rupanya di dalam Kitab Taurat dan Injil yang sebenar itu terdapat perincian tentang Nabi akhir zaman seperti yang disebutkan oleh Waraqah di dalam hadits ini. Sesuatu yang pada ketika itu belum diketahui oleh Nabi s.a.w. sendiri sekalipun. Akan tetapi malang, kerana ma'lumat yang tepat dan jelas seperti itu hanya ada pada segelintir Ahli Kitab sahaja. Adapun kebanyakan Ahli Kitab, mereka hanya mendapat ma'lumat yang telah diselewengkan, kerana itulah yang tersebar secara meluas di kalangan mereka. **Jawapan kepada alasan (3) pula** ialah tidak timbul soal Nabi s.a.w. kerdil di hadapan seorang paderi Kristian dan agama Islam pula kelihatan hina di hadapan agama Kristian. Sebabnya ialah hadits ini sendiri menegaskan bahawa Waraqah dalam majlis itu juga menyatakan hasratnya membela Rasulullah s.a.w. Kerananya kebanyakan `ulama', termasuk Hafiz Ibnu Katsir, Hafiz Ibnu Hajar, al-Munaawi, al-Biqaa'i, Ibnu asy-Syahnah, Ibnu as-Sakan, an-Nawawi dan lain-lain mengesahkan keislamannya. Al-'Iraaqi (Abu al-Fadhl Zainuddin `Abdur Rahim bin al-Husain m.806H) malah mengatakan, Waraqah adalah salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. dan beliau merupakan orang yang kedua selepas Khadijah r.a. memeluk agama Islam. Lihatlah beberapa bait nazam gubahan al-'Iraaqi di dalam Alfiah Sirahnya berhubung dengan Waraqah dan peristiwa yang sedang kita bicarakan ini:

جاء إلى خديجة الأمانة ◊ يشكو لها ما قد رآه حينه

Baginda pulang kepada Khadijah yang amanah. Lalu diceritakan kepadanya apa yang dilihatnya baru sebentar.

فتبينته إنها موفقة ◊ أول من قد ءامنت مصادقه

Teruslah Khadijah menetapkan hati Baginda. Sesungguhnya dia seorang yang beruntung. Dia adalah orang yang mula-mula beriman dan membenarkan (Baginda s.a.w.).

ثم أتت به تؤم ورقة ◊ قص عليه ما رأى فصداقه

Kemudian Khadijah membawa Nabi s.a.w. menemui Waraqah. (Maka) Berceritalah Nabi kepadanya tentang apa yang dialaminya. Sebaik selesai mendengar kisah itu, dia (Waraqah) terus membenarkan Baginda.

فهو الذي ءامن بعد ثانيا ◊ وكان براء صادقاً موافقاً

Dialah orang yang kedua beriman selepas Khadijah. Dia seorang yang memang baik, benar dan bersetuju (dengan kerasulan Nabi s.a.w.).

والصادق المصدق قال إنه ◊ رأى له تخصصاً في الجنة

(Nabi s.a.w.) Yang benar lagi dibenarkan bersabda: "Sesungguhnya Beliau s.a.w. nampak dia (Waraqah) sedang berseronok di dalam syurga.

Kalau begitu bagaimana akan timbul lagi soal kerdilnya Rasulullah s.a.w. di hadapan Waraqah dan hinanya Islam di hadapan agama Kristian?

³⁰ Melalui sifat-sifat mulia yang dimiliki oleh Nabi s.a.w. tersebut, Khadijah r.a. telah menyedari bahawa orang yang telah menemui Baginda s.a.w. di Gua Hira' itu tentunya bukan dari kalangan

Asad bin Abdil al-'Uzza (sepupu Khadijah). Waraqah telah menganut agama Nashrani di masa Jahiliyah.³¹ Beliau pandai menulis kitab dalam bahasa 'Ibrani. Beliau dapat menulis kitab Injil dalam bahasa 'Ibrani dgn baik.³² Ketika itu beliau telah tua dan buta. Khadijah

makhluk ghaib yang jahat. Kerana makhluk-makhluk ghaib yang jahat hanya akan mendampingi orang-orang yang mempunyai sifat-sifat keji atau mengamalkan amalan-amalan pemujaan yang kotor seperti ahli sihir, tukang tenung, pawang dan sebagainya. Sebaliknya sifat-sifat yang dimiliki Nabi s.a.w. adalah sifat-sifat terpuji ajaran para nabi. Dan para nabi a.s. pula hanya didampingi malaikat terpilih sahaja terutamanya malaikat *Mulhim*.

³¹ Untuk mendapatkan sokongan daripada seorang yang sangat dipercayai, Khadijah r.a. lantas membawa Nabi s.a.w. pergi berjumpa dengan sepupunya Waraqah Bin Naufal, seorang pendita Kristian yang sangat 'alim pada ketika itu. Sebelum ini telah pun dibincangkan bahawa tidak kesemua penduduk Makkah yang hidup sezaman dengan Nabi s.a.w. adalah penyembah berhala. Terdapat sebilangan kecil dari kalangan mereka yang masih berpegang dengan saki-baki ajaran Hanif atau agama Nabi Ibrahim a.s. Ada juga di kalangan mereka yang mencari-cari agama lain seperti Yahudi dan Kristian, termasuklah Zaid Bin Amar Bin Nufail yang akhirnya mengikuti saki-baki ajaran Nabi Ibrahim dan Waraqah Bin Naufal yang akhirnya memilih agama Kristian sebagai pegangan hidupnya. Nasib agama Hanif (agama Islam yang dibawa Nabi Ibrahim a.s.) yang walaupun telah banyak diselewengkan oleh penganutnya, tetapi saki-baki agama tersebut masih berjaya dikesan dan diamalkan oleh segolongan orang yang benar-benar ingin menghayatinya. Agama Yahudi dan Kristian juga turut mengalami keadaan yang sama. Walaupun penyelewengan di dalam kedua-dua agama tersebut telah berakar umbi dengan begitu mendalam, tetapi masih terdapat ramai lagi rahib-rahib dan paderi-paderi agama tersebut yang menyedari tentang penyelewengan yang berlaku. Realiti ini banyak terbukti melalui kenyataan-kenyataan pembesar-pembesar mereka. Antaranya ialah kenyataan Najasyi Raja negeri Habsyah yang beragama Kristian. Beliau telah membenarkan jawapan Ja'far r.a. bahawa Nabi 'Isa adalah seorang Nabi Allah, ketika beliau bertanya kepada Ja'far tentang pandangan ajaran Islam terhadap Nabi 'Isa a.s. Ini jelas membuktikan bahawa pada masa itu masih terdapat ajaran Kristian yang belum dicemari dan ternoda sepenuhnya. Ia juga menunjukkan bahawa masih terdapat segolongan Ahli Kitab yang belum terpesong daripada ajaran Nabi 'Isa a.s. yang sebenar di zaman Nabi s.a.w. Agama Kristian seperti itulah yang ditemui dan dianuti Waraqah Bin Naufal. Al-Qur'an sendiri turut memperakui golongan Ahli Kitab seperti ini, di mana ia secara terbuka menghalalkan sembelihan mereka dan membenarkan umat Islam berkahwin dengan wanita-wanita dari kalangan mereka. Golongan Ahli Kitab ini berpegang dengan ajaran-ajaran kitab mereka yang masih belum terusik kandungannya. Antaranya ialah ia menggambarkan dengan jelas rupa paras, sifat, apa yang akan dialami Nabi akhir zaman di peringkat permulaan ia diutuskan dan perjalanan hidupnya seterusnya. Nabi akhir zaman itulah yang mereka nanti-nanti selama ini.

³² Selain merupakan seorang paderi yang 'alim Waraqah juga mempunyai keistimewaan menguasai Bahasa Ibrani dengan baik, sehingga beliau mampu menulis dan menyalin Kitab Injil ke dalam bahasa 'Ibrani. Melalui hadits ini juga sebahagian 'ulama' menyimpulkan bahawa bahasa asal Injil bukanlah bahasa Ibrani kerana Waraqah telah menterjemahkannya ke dalam bahasa tersebut. Sebaliknya bahasa asal Injil adalah bahasa Siryani. Tetapi sebahagian 'ulama'

berkata kepadanya: “Wahai sepupuku! Dengarlah (cerita) daripada anak saudaramu ini.” Waraqah berkata kepada Baginda s.a.w.: “Wahai anak saudaraku, apakah yang engkau lihat (alami)?” Rasulullah s.a.w. pun menceritakan kepada Waraqah apa yang dialaminya. Terus Waraqah berkata kepadanya: “Itu ialah Namus yang Allah telah turunkan kepada Musa.”³³ Aduhai diriku! Kiranya aku ketika itu (ketika engkau mula melancarkan

yang lain menyangkal pendapat ini dan tetap berpendapat bahawa bahasa asal Injil adalah Bahasa Ibrani. Pendapat kedua ini disandarkan kepada riwayat yang sama tetapi di dalam nuskah yang lain, di mana ia menggantikan perkataan Ibrani dengan Arab. Terjemahannya ialah: “*beliau mampu menyalinkan Kitab Injil ke dalam Bahasa Arab*”.

³³ Menerusi dialog di antara Waraqah dan Nabi s.a.w. di atas kita dapati pandangan Waraqah terhadap Jibril atau Namus yang bermaksud pemegang rahsia adalah baik. Sedangkan orang-orang Yahudi, terutamanya penganut-penganut Yahudi kemudian telah meyelewengkan hakikat ini daripada ajaran Nabi Musa yang asal dengan menganggap Jibril sebagai musuh mereka. Allah s.w.t. ada berfirman berhubung dengan perkara ini menerusi dua ayat berikut:

قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَهُدًى وَبُشْرَى لِلْمُؤْمِنِينَ ۝ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِلَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَرُسُلِهِ وَجِبْرِيلَ وَمِيكَالَ فَإِنَّ اللَّهَ عَدُوٌّ لِلْكَافِرِينَ ۝

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah, yang mengesahkan kebenaran Kitab-kitab yang (diturunkan) sebelumnya, serta menjadi petunjuk dan memberi khabar gembira kepada orang-orang yang beriman”. (97) Sesiapa yang memusuhi Allah (dengan mengingkari segala petunjuk dan perintahNya), malaikat-malaikatNya dan Rasul-rasulNya, khususnya malaikat Jibril dan Mikail, (maka ia akan diseksa oleh Allah) kerana sesungguhnya Allah adalah musuh orang-orang kafir. (98) (al-Baqarah:97-98).

Kata-kata Waraqah bahawa *Namus yang turun kepada Musa* juga mengandungi maksud yang tersendiri iaitu: (1) Ia menunjukkan bahawa walaupun beliau seorang penganut agama Kristian, tidaklah beliau seorang yang ta'sub kepada anutannya sahaja. Waraqah menyebut Nabi Musa dengan baik kepada Nabi s.a.w. Sementara di dalam riwayat yang menceritakan Khadijah telah pergi menemui Waraqah bersendirian, Waraqah telah menyebutkan *Namus yang turun kepada Isa*. Pandangannya yang baik terhadap Nabi Musa adalah kerana agama Kristian sendiri sebenarnya menerima baik ajaran Nabi Musa dan menganggap agama Kristian hanyalah sebagai penyempurna ajaran Nabi Musa dan Kitab Injil pula tidak bercanggah dengan Kitab Taurat. Sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada kitab Nabi Musa tersebut. (2) Tujuan beliau menyebut Nabi Isa kepada Khadijah ialah kerana mengamil kira beliau adalah pengikut Nabi Isa a.s. Apabila bertemu dengan Nabi s.a.w. pula beliau menyebut Nabi Musa kerana mengambil kira syariat yang akan dibawa oleh Baginda adalah lebih mirip dengan ajaran Nabi Musa berbanding ajaran Nabi Isa. Ini kerana ajaran Nabi Isa tidak membenarkan sebarang bentuk kekerasan atau peperangan. Agama Kristian terlalu menekankan kelembutan dan kehalusan budi. Apabila sebelah pipi penganutnya ditampar, ia dianjurkan supaya menyorongkan sebelah lagi pipinya supaya ditampar lagi. Agama kristian juga tidak menyarankan perkahwinan kepada penganut-penganutnya yang ingin menghampirkan diri kepada tuhan, kerana mengambil teladan

gerakan da'wahmu) masih muda belia. Aduhai! Kiranya aku masih hidup ketika kaummu mengusirmu." Rasulullah s.a.w. bertanya; "Adakah mereka sampai mengusir daku?" Waraqah menjawab, "Ya! Tiada seorang pun yang telah membawa seperti apa yang kau bawa ini melainkan dia dimusuhi. Andaikata hari itu sempat denganku nescaya akan ku bela engkau dengan sungguh-sungguh".³⁴ Tidak lama kemudian Waraqah pun wafat³⁵ dan wahyu terhenti.³⁶

daripada kehidupan Nabi 'Isa a.s. yang tidak pernah berkahwin di sepanjang hayat Baginda. Sebaliknya ajaran Nabi Musa tidak hanya menekankan kelembutan sahaja tetapi menggabungkannya dengan kekerasan yang lahir dalam bentuk jihad dan sebagainya. Malah ajaran Nabi Musa juga tidak hanya menganjurkan amalan yang berkaitan dengan ibadat dan akhirat semata-mata. Ia bahkan lebih menitikberatkan syariat yang berkaitan dengan realiti kehidupan manusia. Dari sudut itulah ajaran yang akan dibawa Muhammad dilihat Waraqah lebih mirip dengan ajaran ajaran Musa a.s.

³⁴ Menurut sesetengah 'ulama', pertanyaan Nabi s.a.w. kepada Waraqah tentang tindak balas kaumnya kelak, bukanlah berbentuk suatu reaksi spontan Baginda terhadap suatu ma'lumat yang tidak pernah dijangka. Sebaliknya maksud pertanyaan itu hanyalah untuk: (1) Meminta penjelasan daripada Waraqah tentang isyarat kandungan wahyu yang Beliau s.a.w. telah terima. Adakah ia juga sebenarnya telah mengisyaratkan kepada peristiwa-peristiwa yang akan Baginda hadapi? Atau (2) Sebenarnya Nabi s.a.w. sudahpun mengetahuinya dengan jelas melalui isyarat yang terkandung di dalam wahyu yang telah diterima sebelum itu. Pertanyaan tersebut hanyalah sebagai meminta pengesahan daripada Waraqah yang merupakan seorang Ahli Kitab yang sangat 'alim pada ketika itu, sama ada apa yang diterima oleh Baginda bercanggah dengan ma'lumat yang tercatat di dalam kitab-kitab mereka? Ia sama sekali tidak bererti Nabi s.a.w. meruju' kepada ahli kitab.

³⁵ Tersebut di dalam sesetengah riwayat sejarah bahawa Waraqah hidup agak lama juga selepas peristiwa tersebut. Beliau dikatakan sempat menyaksikan penyeksaan kaum Quraisy terhadap Bilal bin Rabah r.a. di Mekah. Tetapi riwayat-riwayat seperti ini tidak boleh dijadikan pegangan dan hujah kerana percanggahannya dengan riwayat Imam Bukhari yang berstatus sahih ini. Apa lagi apabila diteliti sumber asalnya. Ternyata datangnya daripada perawi-perawi yang dipertikaikan seperti Ibnu Ishak dan lain-lain.

³⁶ Para 'ulama' telah mengemukakan tiga sebab kenapa wahyu terhenti selepas turunnya wahyu yang pertama. (1) Supaya hilang rasa takut dan rasa berat menerima wahyu pertama dahulu dengan datangnya Jibril secara tiba-tiba. (2) Supaya timbul rasa ingin dan rindu yang kuat di dalam hati Nabi s.a.w. untuk mendapat ayat-ayat seterusnya, setelah Baginda s.a.w. mengecapi ni'mat wahyu yang pertama dan dapat menghadhamkannya. Dengan adanya rasa ingin dan rindu yang kuat itu, sedikit sebanyak akan meringankan beban wahyu yang akan diterima nanti. (3) Supaya ma'na dan maksud yang tersirat di sebalik wahyu pertama berupa ayat-ayat al-Qur'an itu sempat ditadabbur dan direnungi Baginda s.a.w. Tempoh terputusnya wahyu ataupun (فترة الوحى) yang dialami oleh Nabi s.a.w. bukanlah membabitkan kesemua bentuk wahyu. Ia hanyalah membabitkan wahyu al-Qur'an sahaja. Kerana pada waktu itu Nabi s.a.w. tetap menerima wahyu-wahyu dalam bentuk yang lain. Walau bagaimanapun kemanisan al-Qur'an (yang tiada tolok

bandingnya) yang telah Baginda kecap membuatkan tempoh tersebut terasa amat lama dalam penantian Baginda. Perasaan rindu terhadapnya membuak-buak di dalam dada Nabi s.a.w. Keadaan Baginda diriwayatkan seolah-olah tidak keruan lagi. Dalam menunggu kedatangan wahyu al-Qur'an seterusnya beliau sering kelihatan mundar-mandir di sana sini. **Para 'ulama' berbeza pendapat** tentang tempoh sebenar wahyu yang terhenti itu. Ada yang berpendapat tempohnya ialah tiga tahun berdasarkan satu riwayat mursal asy-Sya'bi. Tempoh inilah yang diyakini Ibnu Ishaq. Tetapi mursal Sya'bi itu sebenarnya tidak sahih dan ia adalah riwayat mungkar. Ada juga yang berpendapat tempohnya ialah dua tahun setengah berpandukan sesetengah riwayat yang musnad. Ini adalah pendapat as-Suhaili. Ibnu Katsir di dalam al-Bidayah Wa an-Nihayahnya menukulkan pendapat sesetengah 'ulama' yang mengatakan tempoh itu adalah dua tahun. Antara tokoh yang berpendapat begini ialah as-Suyuthi. Berdasarkan satu riwayat dha'if daripada Ibnu 'Abbaas yang dinukilkan Ibnu Sa'ad, tempoh itu hanya beberapa hari sahaja. Ini pendapat pilihan Hafiz Ibnu Hajar, Mulla 'Ali al-Qari dan lain-lain. Bagi penulis tidak ada satu pun riwayat yang menyebutkan tempoh wahyu kepada Rasulullah itu terhenti sahih, namun pendapat yang paling sesuai diterima ialah beberapa hari. Paling lama pun ia hanya sebulan lebih sahaja. Hadits berikut ini in syaa' Allah dapat dijadikan sebagai sokongan kepada pendapat terakhir tadi: حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ حَدَّثَنَا الْأَوْزَاعِيُّ أَنَّهُ سَمِعَ يَحْيَى ح وَوَكَيْعٌ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْمُبَارَكِ عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ الْمَعْنَى قَالَ سَأَلْتُ أَبَا سَلَمَةَ أَيُّ الْقُرْآنِ أَنْزَلَ قَبْلَ قَالَ يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ قَالَ يَحْيَى فَقُلْتُ لِأَبِي سَلَمَةَ أَوْ أَفْرَأَ فَقَالَ سَأَلْتُ جَابِرًا أَيُّ الْقُرْآنِ أَنْزَلَ قَبْلَ فَقَالَ يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ فَقُلْتُ أَوْ أَفْرَأَ فَقَالَ جَابِرٌ أَخَذَكُمْ مَا حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ جَاوَرْتُ بِحَرَاءَ شَهْرًا فَلَمَّا قَضَيْتُ جَوَارِي نَزَلَتْ فَاسْتَبَطَنْتُ بَطْنَ الْوَادِي فَنُودِيتُ فَتَنْظَرْتُ أَمَامِي وَخَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي فَلَمْ أَرْ أَحَدًا ثُمَّ نُودِيتُ فَتَنْظَرْتُ فَلَمْ أَرْ أَحَدًا ثُمَّ نُودِيتُ قَالَ الْوَلِيدُ فِي حَدِيثِهِ فَرَفَعْتُ رَأْسِي فَإِذَا هُوَ عَلَى الْعَرْشِ فِي الْهَوَاءِ فَأَخَذْتَنِي وَجَفَّةً شَدِيدَةً وَقَالَ فِي حَدِيثِهِمَا فَاتَيْتُ حَدِيجَةَ فَقُلْتُ دَنُّوْنِي فَدَنُّوْنِي وَصَبُّوا عَلَيَّ مَاءً فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ فَمُ فَاذْنُرْ وَرَبِّكَ فَكَبَّرُ بِمَعْنَى: Abu Salamah ditanya Yahya bin Abi Katsir. Ayat al-Qur'an manakah yang mula-mula diturunkan? Jawab Abu Salamah: "يا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ." Kata Yahya: "Bukankah أَفْرَأُ?" Kata Abu Salamah: "Saya pernah bertanya Jabir tentang ayat al-Qur'an manakah yang mula-mula diturunkan. Jawab beliau: "يا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ." Saya berkata: "Bukankah أَفْرَأُ?" Kata Jabir, saya hendak ceritakan kepadamu apa yang diceritakan oleh Rasulullah s.a.w. kepada kami. Baginda s.a.w. bersabda: "Aku pernah berada di gua Hira' (untuk beribadat dan bertafakkur) selama sebulan. Setelah selesai beribadat di gua itu aku turun ke perut lembah. Tiba-tiba aku diseru. Aku memandang ke hadapan, ke belakang, ke kanan dan ke kiriku, tetapi tidak kelihatan sesiapa. Aku diseru lagi. Setelah dilihat, tiada sesiapa pun kelihatan. Kemudian diseru lagi aku. Di dalam haditsnya al-Walid meriwayatkan: "Sebaik mengangkat kepalaku, terus ku nampak dia di angkasa sedang duduk di atas singgahsana. Terkejut besarlah aku (apabila melihatnya). Kedua-dua mereka (al-Walid dan Waki' meriwayatkan hadits seterusnya: "Apabila sampai kepada Khadijah, aku terus berkata: "Selimutkan daku, selimutkan daku. Mereka pun menyelimutkan daku dan mencurahkan air ke atasku. Lalu Allah s.w.t. menurunkan firmanNya: "يا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ فَمُ فَاذْنُرْ وَرَبِّكَ فَكَبَّرُ". (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Tirmizi, Nasaa'i, Ahmad, Ibnu Hibbaan, Abu Ya'la, Abu 'Awaanah dan lain-lain. Ini adalah lafaz riwayat Ahmad.). Sedia dima'lumi semua bahawa beberapa ayat di permulaan Surah al-Muddatstsir ini diturunkan selepas فترة الوحي (terhenti wahyu kepada nabi s.a.w.) iaitu beberapa ketika setelah Baginda s.a.w. menerima wahyu yang pertama.

٤- قَالَ ابْنُ شِهَابٍ وَأَخْبَرَنِي أَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيَّ قَالَ وَهُوَ يُحَدِّثُ عَنْ فَتْرَةِ الْوَحْيِ فَقَالَ فِي حَدِيثِهِ بَيْنَا أَنَا أُمِّيشِي إِذْ سَمِعْتُ صَوْتًا مِنَ السَّمَاءِ فَرَفَعْتُ نَصْرِي فَإِذَا الْمَلَكُ الَّذِي جَاءَنِي بِحِزَاءِ جَالِسٍ عَلَى كُرْسِيِّ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ فَرُعِبْتُ مِنْهُ فَارْجَعْتُ فَقُلْتُ زَمِّلُونِي زَمِّلُونِي فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى (يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ قُمْ فَأَنْذِرْ) إِلَى قَوْلِهِ (وَالرُّجْزَ فَاهُجِرْ) فَحَمِيَ الْوَحْيُ وَتَتَابَعَ . تَابَعَهُ عَبْدُ اللَّهِ ابْنُ يُوسُفَ وَأَبُو صَالِحٍ وَتَابَعَهُ هِلَالُ بْنُ رَدَّادٍ عَنِ الزُّهْرِيِّ وَقَالَ يُوسُفُ وَمَعْمَرُ بَوَادِرُهُ

4- Ibnu Syihaab berkata:³⁷ Dan Abu Salamah³⁸ bin `Abdir Rahman (bin `Auf) meriwayatkan kepadaku bahawa Jaabir bin `Abdillah al-Anshari³⁹ berkata: - Ketika

³⁷ Al-Kirmaani mengandaikan riwayat Bukhari daripada Ibnu Syihaab ini sebagai ta'liq. Hadits yang bahagian permulaan sanadnya tidak tersebut dan dibuang dipanggil hadits mu'allaq. Apabila Bukhari mengemukakan riwayat ta'liq atau mu'allaq secara jazam menggunakan lafaz-lafaz yang menunjukkan kepastian dan keyakinan seperti قال dan sebagainya, maka biasanya riwayat itu musnad (bersanad lengkap) sebenarnya. Riwayat ta'liq Bukhari yang pada hakikatnya musnad, adakalanya memakai sanad hadits yang telah tersebut sebelumnya. Adakalanya pula memakai sanad hadits lain yang juga tersebut di dalam Sahihnya atau tersebut di dalam kitab-kitab hadits yang lain. Terdapat banyak sebab kenapa Bukhari mengemukakan sesuatu hadits sahih secara ta'liq. Antaranya ialah: (1) Mungkin hadits itu sangat terkenal dan telah diriwayatkan daripada perawi-perawi tsiqaat. (2) Mungkin juga kerana beliau telah mengemukakannya dengan isnad yang lengkap pada satu atau beberapa tempat yang lain di dalam Sahihnya. (3) Semata-mata untuk meringkaskannya apabila ia dikemukakan tanpa sanad yang lengkap. (4) Boleh jadi juga beliau bermaksud mengisyaratkan kepada thuruq riwayat yang tidak menepati syarat Sahihnya, meskipun ia juga hadits sahih, dan lain-lain. Imam Nawawi berkata: Lafaz yang menunjukkan kepastian dan keyakinan (صيغة الجزم) seperti أَخْبَرَ، ذَكَرَ، قَالَ dan lain-lain tidak boleh diguna untuk meriwayatkan hadits dha'if. Untuk meriwayatkan hadits dha'if, hanya perkataan yang tidak menunjukkan kepastian dan keyakinan (صيغة التمریض) seperti رَوَى، قِيلَ، يُقَالُ، ذَكَرَ، رَوَى dan sebagainya sahaja boleh digunakan. Imam Bukhari sangat mengambil berat soal penggunaan shighah jazam dan shighah tamridh ini di dalam Sahihnya. Kerana itu penggunaan shighah-shighah tersebut oleh beliau, boleh dijadikan sebagai panduan dalam menentukan kedudukan sesebuah hadits yang dikemukakannya. Bagaimanapun ia tidak boleh dianggap sebagai قاعدة كلية (qaedah tetap untuk semua tempat) di dalam Sahih Bukhari. Hafiz Ibnu Hajar berpendapat, hadits Jaabir yang dikemukakan oleh Bukhari ini sebenarnya adalah hadits maushul (bersambung sanadnya) dengan isnad hadits sebelum ini. Imam Bukhari seolah-olahnya meriwayatkan dengan katanya: حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ عُقَيْلٍ أَنَّهُ قَالَ قَالَ ابْنُ شِهَابٍ وَأَخْبَرَنِي أَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْخ. Maksudnya ialah dengan isnad yang sama juga Bukhari meriwayatkan hadits Jaabir ini. Cuma perlulah ditaqdir sedikit selepas ابْنُ شِهَابٍ وَأَخْبَرَنِي أَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْخ. Jadi apa yang dikemukakan oleh Bukhari di sini tidak tepat secara mutlaq dikatakan ta'liq. Lebih-lebih lagi kalau dilihat kepada riwayat Jaabir yang